

No. Rujukan : UTeM.02.14.03/100-3/2/2 (1)



**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 4 TAHUN 2018**

**KEBENARAN GANTIAN CUTI REHAT
MELEBIHI 150 HARI DIGUNAKAN SEBAGAI
CUTI REHAT PADA TAHUN PERSARAAN
DENGAN PINDAAN
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar
08 Ogos 2018 | 26 Zulkaedah 1439H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

No. Rujukan : UTeM.02.14.02/100-3/2/1 (1)

08 OGOS 2018
26 ZULKAEDAH 1439H

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 4/2018

KEBENARAN GANTIAN CUTI REHAT MELEBIHI 150 HARI DIGUNAKAN SEBAGAI CUTI REHAT PADA TAHUN PERSARAAN DENGAN PINDAAN DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pengetahuan semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2017 (Kebenaran Gantian Cuti Rehat Melebihi 150 Hari Digunakan Sebagai Cuti Rehat Pada Tahun Persaraan) dengan pindaan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Gantian Cuti Rehat (GCR) bagi pegawai berpencen Perkhidmatan Awam Persekutuan diperuntukkan di bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Pencen 1980, iaitu sebagai satu faedah di bawah Akta Pencen 1980 (Akta 227).
- 2.2 Berdasarkan peraturan semasa, GCR yang dikumpulkan melebihi 150 hari tidak akan diambil kira untuk bayaran 'award' wang tunai apabila staf bersara. Sebagai penambahbaikan, Kerajaan telah bersetuju membenarkan GCR melebihi 150 hari digunakan sebagai cuti rehat pada tahun persaraan. Bagi maksud ini, tahun persaraan adalah dikira dua belas (12) bulan sebelum tarikh persaraan staf.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Staf yang layak untuk menggunakan kemudahan ini adalah staf yang mengumpul GCR melebihi 150 hari pada tahun persaraan iaitu

hanya GCR yang melebihi 150 hari boleh digunakan sebagai cuti rehat. Staf boleh menggunakan cuti ini secara sekali gus ataupun berperingkat dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh bersara tertakluk kepada kelulusan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj).

- 3.2 Berkuat kuasa 1 Januari 2018, GCR yang dikumpulkan melebihi 150 hari sepanjang perkhidmatan boleh digunakan sebagai cuti rehat pada tahun akhir persaraan.
- 3.3 Proses permohonan untuk Cuti Rehat sebelum bersara seperti di **Lampiran A**.

4.0 TANGGUNGJAWAB KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

- 4.1 Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah:
 - a. memastikan pengumpulan GCR yang dibuat sepanjang tempoh perkhidmatan adalah teratur;
 - b. memastikan GCR yang dikumpulkan melebihi 150 hari melalui Modul Cuti, Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM) dan perlu mengisi Borang Permohonan seperti di **Lampiran B**;
 - c. meluluskan cuti rehat yang dipohon oleh staf tertakluk kepada kepentingan Perkhidmatan; dan
 - d. merekodkan kelulusan ini dalam Buku Rekod Perkhidmatan.

5.0 PENGEKALAN

- 5.1 Peraturan, syarat, kaedah pengumpulan, perkiraan dan prosedur permohonan GCR yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2003, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2004, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2005 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 18 Tahun 2008 adalah masih terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeliling Pentadbiran ini.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

6.1 Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2018**.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



MASDZARIF BIN MAHAT
Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

/sya

BORANG KEBENARAN CUTI REHAT SEBELUM BERSARA

DIISI OLEH PENYELARAS CUTI PTj (Diisi dalam huruf Besar)	
Saya sahkan bahawa butiran cuti rehat staf iaitu _____ (Nama)	
No.Staf _____ adalah seperti berikut:-	
Tarikh bersara wajib / pilihan * ialah _____	
a. Baki Cuti Rehat (Perkara 10,Perintah Am Bab C)	= _____ hari
b. Jumlah GCR lebih 150 hari adalah	= _____ hari
c. Jumlah (a) + (b)	= _____ hari
d. Jumlah Cuti Rehat yang layak digunakan sebelum tarikh bersara	= _____ hari
Tandatangan & Cop Jawatan : _____	Tarikh : _____

DIISI OLEH PEMOHON	
Berdasarkan jumlah Cuti Rehat yang berkelayakan iaitu _____ hari, saya ingin memohon menggunakan jumlah Cuti Rehat ini sebelum tarikh persaraan saya secara sekaligus / berperingkat* mulai _____:	

Nama & Tandatangan: _____	Tarikh : _____

UNTUK KEGUNAAN KUASA YANG MENYOKONG CUTI	
Sila (/) di petak yang berkenaan:	<input type="checkbox"/> DISOKONG <input type="checkbox"/> TIDAK DISOKONG
Ulasan: _____	
_____	_____
Tandatangan & Cop Rasmi Jawatan	Tarikh

UNTUK KEGUNAAN KUASA YANG MELULUSKAN CUTI (Ketua PTj)	
Sila (/) di petak yang berkenaan	<input type="checkbox"/> DILULUSKAN <input type="checkbox"/> TIDAK DILULUSKAN
Ulasan: _____	
_____	_____
Tandatangan & Cop Rasmi Jawatan	Tarikh

UNTUK KEGUNAAN PTj	
Telah direkodkan dalam SMSM pada _____	
_____	_____
Nama & Tandatangan	Tarikh

Nota:
 1. * Potong yang tidak berkenaan

PROSES PERMOHONAN MENGGUNAKAN GCR MELEBIHI 150 HARI DAN CUTI REHAT YANG BERKELAYAKAN SEBELUM BERSARA

